

# Jarak bukan penghalang

» Pengorbanan suami, isteri berjauhan berbaloi dapat Phd, Sarjana

BH 21/10/2012 4

Oleh Amin Ridzuan Ishak dan Nas Norziela Nasbah  
bhnews@bharian.com.my

► Kota Kinabalu

**K**eperitan tinggal berjauhan dan berulang-alik dalam perjalanan lapan jam hampir setiap minggu, nyata berbaloi buat pasangan suami isteri dari Semporna apabila mereka menaiki pentas konvokesyen, semalam.

Dr Abdul Jawi Abnoh Sawi, 44, menerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) (Pengurusan Pendidikan), manakala isterinya, Norisah Samutu, 43, memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Kurikulum dan Reka Bentuk Pengajaran) pada Majlis Konvokesyen Ke-14 Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini.

Kedua-duanya yang bertugas sebagai guru di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Panglima, Semporna, adalah antara 4,336 graduan yang berjaya menamatkan pengajian pada sesi kali ini.

Penganugerahan ijazah itu disempurnakan Yang di-Pertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin, yang juga Canselor UMS..



Penerima Ijazah Doktor Falsafah (Pengurusan Pendidikan) Abdul Jawi berkongsi kegembiraan bersama isteri, Norisah yang turut menerima Ijazah Sarjana secara Penyelidikan (Kurikulum dan Reka Bentuk Pengajaran) sempena Majlis Konvokesyen UMS ke14 di Kota Kinabalu semalam.

[FOTO EDMUND SAMUNTING/BH]

Dr Abdul Jawi yang tinggal di Kota Kinabalu kerana mengambil pengajian sepenuh masa, berkata perjalanan sehingga lapan jam ke Semporna hampir setiap minggu untuk bersua dengan isteri tidak pernah mematahkan semangat mereka untuk terus belajar ke peringkat lebih tinggi.

"Saya pernah duduk berjauhan dengan isteri selama setahun setengah. Itu antara pengorbanan kami demi mencapai cita-cita.

"Malah, saya juga mengam-

bil keputusan menangguhkan pengajian sementara menunggu isteri tamat pengajian. Alhamdulillah... hari ini (semalam) kami meraikan kejayaan berganda dengan menaiki pentas pada hari sama," katanya ketika ditemui BH.

Sementara itu, Norisah terharu apabila suaminya sanggup menangguhkan pengajian untuk memastikan mereka berdua menaiki pentas konvokesyen pada hari sama.

"Tarikh hari ini (semalam) pasti akan menjadi sejarah yang

tidak akan dapat kami lupakan sepanjang hayat," katanya.

Sementara itu, graduan PhD asing pertama dari Brunei, Dr Zelzy Shahar Al-Johary, melahirkan rasa bangga kerana berpeluang untuk menimba ilmu di UMS.

"Walaupun sistem pendidikan berbeza, bagi saya ilmu itu bersifat universal dan boleh digunakan tidak kira di mana. Syukur saya berjaya membuktikannya dan meraikan kejayaan bersama isteri serta anak," katanya.